

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3	KPT TELITI TINGKAT KURSUS PELANCONGAN, MINYAK DAN GAS, TVET DI SABAH	2 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
4	TVET DALAM PERTANIAN PENTING, JAMIN KETERJAMINAN MAKANAN	2 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
5	PENGLIBATAN GLC, GLIC, SWASTA BERUPAYA MANTAPKAN PEMBELAJARAN TVET	4 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
6	GAJI PREMIUM DIKAJI UNTUK IKTIRAF LEPASAN TVET	5 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
7	SARAWAK JADI ZON PERTAMA PROGRAM SEMARAK KAMPUS MADANI	5 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
8	STRATEGI BAHARU AKAN DIRANGKA PASTIKAN BAKAT TVET RELEVAN	5 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
9	PEMAIN INDUSTRI JERMAN DIJEMPUT JADI ANGGOTA MAJLIS TVET NEGARA	5 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
10	MARA RANCANG PERLUAS TVET TAHFIZ DENGAN PERBANYAKKAN KURSUS JANGKA PENDEK	7 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
11	KERANGKA PENDIDIKAN TINGGI NEGARA PERLU BERUBAH SEIRING LANDSKAP PENDIDIKAN DUNIA	7 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
12	PELAJAR TVET DISARAN SEMAK PENARAFAN INSTITUSI PENDIDIKAN SEBELUM DAFTAR	9 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
13-15	PMM TERIMA ANUGERAH INSTITUSI KEUSAHAWANAN TERBAIK AKKPT 2023	14 MAC 2024	MHI ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
16	DASAR TVET NEGARA SEDIAKAN TENAGA KERJA BIDANG BERKETRAMPI- LAN PASARAN NEGARA	15 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
17-19	KERAJAAN PERINCIKAN KAMPUS IPTA LAMA UNTUK DIBAIK PULIH	23 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
20-22	SELANGOR MANTAPKAN EKOSISTEM TVET, TAWAR KERJAYA BERGAJI TINGGI	23 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
23-26	APU, POLITEKNIK SULTAN MIZAN RANGKUL ANUGERAH TEKNOLOGI DIGITAL MDEC	25 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
27-29	LEBIH RAMAI BAKAT TEKNIKAL YANG FAHAM TEKNOLOGI DIPERLUKAN	25 MAC 2024	BERNAMA ONLINE
30-31	LEBIH BANYAK KOLABORASI BIDANG TVET ANTARA MALAYSIA DAN CHINA	28 MAC 2024	BERNAMA ONLINE

BERNAMA

2 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | KPT TELITI TINGKAT KURSUS PELANCONGAN, MINYAK DAN GAS, TVET DI SABAH

KPT TELITI TINGKAT KURSUS PELANCONGAN, MINYAK DAN GAS, TVET DI SABAH



Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Ts. Mustapha Sakmud (dua, kiri) diberi taklimat mengenai mesin Rotary Aquaponic System oleh Pensyarah Politeknik Saradatul Akma Abdul Rahman (kanan) sewaktu mengadakan lawatan ke Politeknik Sandakan.

BERNAMA

2 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | TVET DALAM PERTANIAN PENTING, JAMIN KETERJAMINAN MAKANAN

TVET DALAM PERTANIAN PENTING, JAMIN KETERJAMINAN MAKANAN - MOHAMAD SABU



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu


02/03/2024 02:55 PM

BERNAMA

4 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | PENGLIBATAN GLC, GLIC, SWASTA BERUPAYA MANTAPKAN PEMBELAJARAN TVET

PENGLIBATAN GLC, GLIC, SWASTA BERUPAYA MANTAPKAN PEMBELAJARAN TVET



Gambar fail

04/03/2024 11:57 AM

BERNAMA

5 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | GAJI PREMIUM DIKAJI UNTUK IKTIRAF LEPASAN TVET

GAJI PREMIUM DIKAJI UNTUK IKTIRAF LEPASAN TVET - TPM AHMAD ZAHID



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

05/03/2024 02:25 PM

BERNAMA

5 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | SARAWAK JADI ZON PERTAMA PROGRAM SEMARAK KAMPUS MADANI

SARAWAK JADI ZON PERTAMA PROGRAM SEMARAK KAMPUS MADANI - KPT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

BERNAMA

5 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | STRATEGI BAHARU AKAN DIRANGKA PASTIKAN BAKAT TVET RELEVAN

STRATEGI BAHARU AKAN DIRANGKA PASTIKAN BAKAT TVET RELEVAN -STEVEN SIM



Steven Sim Chee Keong. (Gambar fail)

BERNAMA

5 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | PEMAIN INDUSTRI JERMAN DIJEMPUT JADI ANGGOTA MAJLIS TVET NEGARA

PEMAIN INDUSTRI JERMAN DIJEMPUT JADI ANGGOTA MAJLIS TVET NEGARA - AHMAD ZAHID



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ketika berucap pada Sidang Kemuncak Majlis Penasihat Industri di Institut Jerman-Malaysia, hari ini.

BERNAMA

7 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | MARA RANCANG PERLUAS TVET TAHFIZ DENGAN PERBANYAKKAN KURSUS JANGKA PENDEK

MARA RANCANG PERLUAS TVET TAHFIZ DENGAN PERBANYAKKAN KURSUS JANGKA PENDEK



Majlis Amanah Rakyat (MARA)

07/03/2024 11:33 AM

BERNAMA

7 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | KERANGKA PENDIDIKAN TINGGI NEGARA PERLU BERUBAH SEIRING LANDSKAP PENDIDIKAN DUNIA

KERANGKA PENDIDIKAN TINGGI NEGARA PERLU BERUBAH SEIRING LANDSKAP PENDIDIKAN DUNIA



Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwani Hj Toriman mengiringi Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir bagi menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Jeil Pharmaceutical Co Ltd. di bangunan Parlimen Malaysia. Foto kredit : Universiti Kebangsaan Malaysia

07/03/2024 07:54 PM

BERNAMA

9 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | PELAJAR TVET DISARAN SEMAK PENARAFAN INSTITUSI PENDIDIKAN SEBELUM DAFTAR

PELAJAR TVET DISARAN SEMAK PENARAFAN INSTITUSI PENDIDIKAN SEBELUM DAFTAR



Kredit: Yayasan Mahir Malaysia

09/03/2024 02:14 PM

MELAKA HARI INI

14 MAC 2024

MHI ONLINE | PMM TERIMA ANUGERAH INSTITUSI KEUSAHAWANAN TERBAIK AKKPT 2023



NORIZAM (tengah) bersama replika kemenangan PMM dan kakitangan PMM yang turut hadir ke AKKPT 2023.

PMM terima Anugerah Institusi Keusahawanan Terbaik AKKPT 2023

NORAFIQAH JAMAL

KHAMIS, 14 MAC 2024 @ 17:00



Masa Membaca: 50 Saat

MERLIMAU 14 Mac – Politeknik Merlimau Melaka (PMM) menerima Anugerah Institusi Keusahawanan Terbaik (Politeknik) sempena Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi (AKKPT) 2023 berlangsung di Kuala Lumpur pada 8 Mac lalu.

Anugerah disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir itu bertujuan menghargai inisiatif dan usaha institusi pendidikan tinggi (IPT) cemerlang dalam pendidikan serta pembangunan keusahawanan.

Pengarah PMM Norizam Sekak berkata, atas kejayaan itu pihaknya turut membawa pulang geran pembangunan usahawan berjumlah RM175,000, trofi, plak dan sijil.

“Selepas 10 tahun diidamkan akhirnya PMM berjaya merangkul anugerah ini, pastinya kemenangan diperoleh akan memahat seribu memori indah kepada seluruh warga PMM.

“Anugerah ini sudah pasti akan menyokong agenda keusahawanan di IPT, sekali gus melahirkan ramai usahawan berkemahiran tinggi,” katanya.

AKKPT 2023 telah menerima 213 penyertaan daripada IPT seluruh negara, dengan penilaian dilaksanakan panel dilantik dalam kalangan tokoh industri dan pakar pelbagai bidang khususnya keusahawanan.

BERNAMA

15 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | DASAR TVET NEGARA SEDIAKAN TENAGA KERJA BIDANG BERKETRAMPILAN PASARAN NEGARA

DASAR TVET NEGARA SEDIAKAN TENAGA KERJA BIDANG BERKETERAMPILAN PASARAN NEGARA



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada temu bual eksklusif dengan Bernama di Bangunan Parlimen di sini.

15/03/2024 09:16 AM

BERNAMA

23 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | KERAJAAN PERINCIKAN KAMPUS IPTA LAMA UNTUK DIBAIK PULIH

KERAJAAN PERINCIKAN KAMPUS IPTA LAMA UNTUK DIBAIK PULIH



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir. – fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

23/03/2024 11:52 PM

ARAU, 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan sedang membuat perincian terhadap kampus institut pendidikan tinggi awam (IPTA) di seluruh negara yang sudah lama usianya untuk pelaksanaan kerja-kerja menyelenggara dan membaik pulih.

Menteri Pendidikan Tinggi (KPT) Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata ini kerana dalam sesi lawatan beliau ke kampus universiti tertentu serta politeknik mendapati ia perlu dibaik pulih dan diselenggara sebaik mungkin.

"Saya tak ada jumlah (spesifik kampus yang perlu diselenggara dan dibaik pulih setakat ini) sebab ia masih dalam proses perincian. Tetapi kawasan yang saya lawatani, saya dapati ada (yang perlu diselenggara dan dibaik pulih).

"Tadi sebagai contoh, saya pergi ke Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (di Arau), saya lihat perlu sedikit sebanyak baik pulih kerana ia sudah berusia lebih 20 tahun, umpamanya cat dan beberapa benda kita akan ambil tindakan segera," katanya kepada pemberita pada Majlis Semarak Ramadan KPT@UniMAP di sini hari ini.

Bersempena majlis berkenaan itu, Zambry turut melancarkan secara rasmi inisiatif Kad MySiswa yang dulunya dikenali sebagai Kad Prihatin Siswa.

Mengenai Kad MySiswa itu, beliau berkata hampir 550,000 pelajar universiti awam di seluruh negara mendapat manfaat penggunaan kad itu sejak dilaksanakan Mac tahun lepas.

Menurutnya peluncuran kad itu turut menepati matlamat KPT untuk memperkasakan dan memartabatkan pelajar universiti menerusi transformasi kad matrik sedia ada menjadi sekeping kad pintar pelbagai fungsi.

"Antara kelebihan kad ini ia boleh menjadi kad debit bank, kad akses kepada kemudahan dan fungsi dalaman kampus yang bersepadu seperti sistem kehadiran, sistem perpustakaan malah ia turut dilengkapi dengan kemudahan e-dompet.

"Selain itu, Kad MySiswa akan berfungsi sebagai kad promosi dan diskaun yang melayakkan pemegangnya menikmati pelbagai tawaran istimewa, potongan harga serta rebat sama ada di dalam mahu pun di luar kampus," katanya.

Kenyataan media daripada KPT sempena majlis itu memaklumkan Kad MySiswa merupakan inisiatif bersepadu KPT bersama RHB Islamic Bank Berhad selaku rakan strategik pelaksana.

Ia sebagai komitmen dalam mendukung Agenda Pemerkasaan Mahasiswa yang turut berpotensi memartabatkan gaya hidup mereka.

– BERNAMA

BERNAMA

23 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | SELANGOR MANTAPKAN EKOSISTEM TVET, TAWAR KERJAYA BERGAJI TINGGI

SELANGOR MANTAPKAN EKOSISTEM TVET, TAWAR KERJAYA BERGAJI TINGGI - AMIRUDIN



Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (tengah) bergambar bersama para pelajar yang hadir selepas merasmikan Ekspo Interaktif Pendidikan TVET dan Kerjaya Badan Beruniform di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, hari ini.

PETALING JAYA, 23 Mac (Bernama) -- Kerajaan Selangor menyasarkan untuk memantapkan lagi ekosistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi memastikan lebih ramai pekerja berpeluang memperoleh latihan kemahiran dan ditawarkan pekerjaan bergaji tinggi.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata banyak sektor di Selangor memerlukan segera tenaga kerja berkemahiran tinggi antaranya industri elektrik dan elektronik (E&E), bioteknologi, aeroangkasa dan pembuatan rel.

"Atas sebab itu kita berusaha menambah baik ekosistem TVET untuk memastikan kita dapat menarik pelajar berpotensi serta melahirkan pekerja berkemahiran tinggi dan menawarkan pekerjaan bergaji tinggi kepada mereka.

"Kita akan bekerja keras dan memastikan institusi pendidikan itu setara dengan kehendak industri. Kita mahu apa dikehendaki industri dan apa ditawarkan industri setanding," katanya.

Amirudin berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Ekspo Pendidikan TVET dan Kerjaya Badan Beruniform di sini, hari ini.

Amirudin berkata kerajaan negeri juga mempunyai perancangan menaik taraf Universiti Selangor (UniSel) menjadi universiti teknikal dan vokasional serta membangunkan modul program yang ditawarkan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor (STDC) untuk memenuhi permintaan industri.

“Selepas itu kita akan masuk ke sekolah menengah supaya kita dapat membentuk pelajar tingkatan tiga hingga lima. Ini sebahagian usaha untuk memperkasakan ekosistem teknikal dan vokasional yang dilaksanakan.

“...Ini antara perkara terkandung dalam Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad Untuk Lima Tahun Selangor yang saya bentangkan sebelum pilihan raya (tahun lepas) untuk menawarkan 100,000 peluang pekerjaan bergaji tinggi,” kata beliau.

– BERNAMA

BERNAMA

25 MAC 2024

BERNAMA | APU, POLITEKNIK SULTAN MIZAN RANGKUL ANUGERAH TEKNOLOGI DIGITAL MDEC

APU, POLITEKNIK SULTAN MIZAN RANGKUL ANUGERAH TEKNOLOGI DIGITAL MDEC



25/03/2024 09:37 PM

PUTRAJAYA, 25 Mac (Bernama) -- Asia Pacific University (APU) (School of Computing) dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi) merangkul anugerah kecemerlangan Asia Pacific University (School of Computing) 2023 oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Kedua-dua institusi berkenaan memenangi anugerah itu masing-masing di bawah kategori universiti dan politeknik, menurut MDEC dalam kenyataan hari ini.

MDEC memaklumkan di bawah bidang kuasa Kementerian Digital, ia terus menerajui evolusi industri teknologi digital Malaysia melalui inisiatif Premier Digital Tech Institutions (PDTI).

"Direka bentuk untuk merapatkan jurang antara permintaan industri dengan bekalan bakat tempatan, PDTI menjadi asas dalam mengasah bakat profesional berkemahiran tinggi untuk ekonomi digital," menurut kenyataan itu.

PDTI ialah status yang dianugerahkan kepada fakulti institusi pengajian tinggi berkelayakan di Malaysia yang mengkhusus dalam pendidikan teknologi digital.

Sejak ditubuhkan pada 2017, MDEC dengan sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi, telah mengembangkan PDTI merangkumi 42 fakulti merentasi 24 institusi awam dan swasta.

Institusi berkenaan telah mendapat pengiktirafan atas komitmen menyampaikan pendidikan peringkat tinggi dalam teknologi digital, menghasilkan purata 95 peratus kadar kebolehpasaran siswazah di semua institusi sejak 2017.

MDEC memberitahu pada 2023, sebanyak 9,482 pelajar mendapat manfaat daripada inisiatif itu melalui pelbagai program, aktiviti pelajar, kerjasama dengan rakan industri dan kursus peningkatan kemahiran ahli fakulti.

"Hal ini selaras dengan inisiatif strategik kebangsaan Malaysia Digital (MD) dan Program Mangkin Malaysia Digital (PeMangkinMD) dalam memacu pertumbuhan ekonomi digital dan memastikan Malaysia mempunyai keupayaan dan bakat digital yang diperlukan untuk bersaing dalam landskap digital global," menurut kenyataan itu.

Anugerah berkenaan mengiktiraf sumbangan dan pencapaian cemerlang individu dengan mewakili fakulti PDTI masing-masing dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penekanan PDTI adalah untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan rakan industri digital untuk pembangunan program pengajian tinggi berkualiti tinggi, sekali gus meningkatkan kemasukan pelajar dalam program STEM melalui inisiatif dengan PDTI Tech Club dan sekolah, menurut MDEC.

Penerima lain ialah Ahmad Najmi Amerhaider Nuar dari Universiti Teknologi Malaysia (Fakulti Komputeran) yang meraih Outstanding Faculty Members Awards, manakala Cheng Yi Heng – APU (School of Computing) memenangi Outstanding Student Awards.

– BERNAMA

BERNAMA

25 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | LEBIH RAMAI BAKAT TEKNIKAL YANG FAHAM TEKNOLOGI DIPERLUKAN

LEBIH RAMAI BAKAT TEKNIKAL YANG FAHAM TEKNOLOGI DIPERLUKAN - CHANG



Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi Chang Lih Kang berucap pada program Merdeka University Berhad MUB MALAYSIA-CHINA VOCATIONAL EDUCATION FAIR 2024 hari ini.

25/03/2024 05:14 PM

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Terdapat keperluan untuk mewujudkan lebih ramai bakat-bakat bidang teknikal yang memahami teknologi dengan lebih baik berikutan perkembangan pesat teknologi baharu seperti tenaga baharu dan kecerdasan buatan di peringkat global.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Chang Lih Kang berkata ini kerana permintaan untuk pekerja berkemahiran tinggi sudah pasti akan meningkat setiap tahun kerana lebih banyak pelaburan asing berasaskan teknologi akan masuk ke Malaysia.

"Tahun lepas kerajaan telah memperkenalkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR), yang menerusi pelaksanaan 10 projek peralihan tenaga akan menarik pelaburan berjumlah RM25 bilion, mewujudkan kira-kira 23,000 pekerjaan dan membantu Malaysia mencapai pelepasan karbon sifar menjelang 2050.

"Ini juga bermakna kita perlu latih lebih ramai juruteknik mahir untuk penuhi keperluan perusahaan dan membantu Dasar Kebangsaan Industri 4.0 Malaysia," katanya semasa berucap di majlis pelancaran Pameran Pendidikan Vokasional Malaysia-China Universiti Merdeka Berhad (MUB) 2024, di sini hari ini.

Sementara itu Chang berkata Pameran Pendidikan Vokasional MUB Malaysia-China 2024 yang memasuki tahun ketiga menyediakan pelbagai saluran bagi pelajar melanjutkan pelajaran dan mendapatkan khidmat perundingan, membantu negara dalam melatih lebih ramai bakat-bakat bidang teknikal.

Chang berkata acara tahun ini adalah penting kerana ia telah disenaraikan sebagai salah satu aktiviti khas bagi memperingati ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Pada masa yang sama beliau berkata MUB dan rakan-rakan kongsinya sebagai jawatankuasa penganjur acara ini akan menawarkan biasiswa bernilai RM10 juta yang akan membuka peluang kepada 500 pelajar Malaysia untuk melanjutkan pelajaran di China.

“Tahun 2024 menandakan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China dan saya percaya kedua-dua negara telah melakukan banyak usaha sama mendalam dalam pelbagai bidang seperti perdagangan, ekonomi, teknologi dan pendidikan.

“Saya berharap pameran ini dapat memudahkan penyertaan lebih ramai belia Malaysia dalam pelbagai jurusan latihan vokasional dan seterusnya memasuki sektor pekerjaan, sekali gus mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada petugas bukan teknikal dalam kalangan pekerja asing,” katanya.

BERNAMA

28 MAC 2024

BERNAMA ONLINE | LEBIH BANYAK KOLABORASI BIDANG TVET ANTARA MALAYSIA DAN CHINA

LEBIH BANYAK KOLABORASI BIDANG TVET ANTARA MALAYSIA DAN CHINA - AHMAD ZAHID



Kredit: FB Zahid Hamidi

28/03/2024 10:16 PM

KUALA LUMPUR, 28 Mac (Bernama) – Malaysia dan China akan mengadakan lebih banyak kolaborasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memperkasa bidang itu, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata perkara itu dibincang dalam pertemuannya dengan Menteri Jabatan Perhubungan Antarabangsa Parti Komunis China Liu Jianchao hari ini.

"China juga telah menawarkan kesediaan untuk menyediakan lebih banyak siri latihan, perkongsian pengalaman dan peluang pendidikan dalam bidang teknologi dan vokasional khususnya kepada pelajar serta pekerja di Malaysia," menurutnya dalam hantaran di laman Facebook hari ini.

Ahmad Zahid berkata pertemuan itu turut membincangkan sambutan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China pada 31 Mei ini.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Timbalan Menteri Luar Datuk Mohamad Alamin dan Pengerusi Majlis Amanah Rakyat Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.